

**TEKS UCAPAN**

**Y.BHG. PROF. DATUK DR. SHAHRIN BIN SAHIB  
NAIB CANSELOR UTeM**

---

**MAJLIS PELANCARAN SESI INTERVENSI  
PROGRAM LONJAKAN PENCAPAIAN BAHASA INGGERIS UPSR  
2016, YAYASAN Melaka-UTeM-JPN**

*23 Julai 2016, Dewan Besar UTeM, 3.00 petang*

Terima Kasih Saudara/i Pengacara Majlis,

**Yang Amat Berhormat Datuk Seri Ir. (Dr.) Hj. Idris bin Haji Haron**  
Ketua Menteri Melaka

**Yang Berhormat Datuk Wira Haji Md Yunos bin Husin**  
Exco Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi, Teknologi Hijau  
dan Inovasi Negeri Melaka

**Y.Bhg. Datuk Hj. Zaini bin Md Nor**  
Pengurus Besar Yayasan Melaka

**Yang Berusaha Tuan Haji Abu Bakar bin Sahari**  
Pengarah Pendidikan Negeri Melaka

Pegawai-Pegawai Kanan UTeM, Pegawai-Pegawai Yayasan Melaka, Pegawai-Pegawai Jabatan Pendidikan Negeri Melaka, Guru-Guru, Hadirin dan Hadirat yang dikasihi sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Satu Malaysia

Salam Melaka Maju Negeriku Sayang, Negeri Bandar Teknologi Hijau, Melaka 754 tahun, Melaka Maju Fasa 2, Berkat, Tepat, Cepat.

1. Alhamdulillah segala puji bagi Allah SWT kerana dengan rahmat dan izin-Nya pada petang yang indah ini, kita dapat dipertemukan dalam **Majlis Pelancaran Sesi Intervensi Program Lonjakan Pencapaian Bahasa Inggeris UPSR 2016.**
2. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Datuk Seri Ir. (Dr.) Hj. Idris bin Haji Haron, Ketua Menteri Melaka di atas

kesudian meluangkan masa untuk hadir ke majlis pelancaran ini. Saya yakin dengan kehadiran Y.A.B. Datuk Seri pada petang ini, akan memberi inspirasi dan menjadi pembakar semangat kepada anak-anak yang ada pada hari ini untuk terus berjaya di dalam hidup masing-masing terutamanya di dalam bidang akademik.

3. Dikesempatan ini, saya juga ingin mengucapkan jutaan **terima kasih kepada Yayasan Melaka dan Jabatan Pendidikan Melaka** di atas kesudian untuk bekerjasama dengan pihak UTeM bagi penganjuran program yang amat bermanfaat ini. Sesungguhnya UTeM sentiasa memberi sokongan berterusan terhadap usaha-usaha memantapkan budaya ilmu di kalangan para pelajar seiring dengan hasrat Kerajaan dalam mencipta dan melahirkan insan yang holistik, cemerlang dan seimbang dalam segenap aspek keperluan.

Hadirin dan Hadirat sekalian,

4. Dalam abad ini, landskap institusi pendidikan di seluruh dunia mengalami perubahan yang besar, yang mana peranannya menjadi lebih holistik melalui pendekatan keterangkuman dan pemanfaatan kepakaran yang dimiliki untuk kebaikan negara dan masyarakat. Menyedari perkara ini, UTeM sentiasa proaktif dengan mengambil inisiatif-inisiatif yang strategik bagi memastikan proses pendidikan dan perkembangan ilmu dapat dilaksanakan secara berterusan dan memenuhi kehendak serta keperluan masyarakat setempat, walaupun fokus utama pendidikan di UTeM adalah dalam bidang teknikal khususnya dalam kejuruteraan dan teknologi.
5. Alhamdulillah, meniti usia 16 tahun, UTeM pada hari ini menjadi pusat percambahan ilmu dan rujukan utama dalam bidang keusahawanan, bahasa ketiga, kelestarian alam sekitar, dan banyak lagi dengan tertubuhnya pusat-pusat kecemerlangan (Centre of

Excellence) yang menjalankan pelbagai program khusus di dalam bidang-bidang tersebut. Selain daripada itu, kepakaran yang dimiliki oleh staf UTeM juga turut dikongsi bersama masyarakat demi memastikan pembangunan insan yang lebih produktif dan cemerlang. Sebagai makluman YAB Datuk Seri dan hadirin sekalian, pada bulan Mei yang lalu, UTeM telah berjaya melaksanakan program NLP Coaching untuk pemimpin masyarakat wanita dari 6 kawasan parlimen di negeri ini.

YAB Datuk Seri, Hadirin dan Hadirat sekalian,

6. Bagi menyokong kecemerlangan ilmu, UTeM turut mengambil berat dan peka dalam pembangunan generasi masa kini terutamanya dalam penguasaan Bahasa Inggeris. Isu tahap penguasaan pelajar dalam Bahasa Inggeris yang sentiasa menjadi bahan perbincangan bukan sahaja di kalangan para pendidik malah turut menarik perhatian pelbagai pihak termasuklah Kerajaan dan masyarakat, turut

mendapat perhatian UTeM. Kajian yang dijalankan membuktikan bahawa hanya 30 peratus sahaja graduan yang dihasilkan universiti awam mampu menguasai kemahiran bertutur dan menulis dalam bahasa Inggeris dengan baik.

7. Cakna atas kerunsingan ini, maka UTeM menyahut tawaran usaha kerjasama antara Yayasan Melaka dan Jabatan Pendidikan Negeri Melaka menerusi pengajuran Program Lonjakan Pencapaian Bahasa Inggeris yang dijalankan bermula dari peringkat akar umbi iaitu di kalangan pelajar yang bakal menduduki peperiksaan UPSR tahun 2016. Alhamdulillah, program ini telah berjaya dilaksanakan dan disertai seramai 1,233 pelajar UPSR dari 58 sekolah yang merangkumi 3 buah daerah dalam Negeri Melaka. Pelaksanaan program ini turut melibatkan seramai 200 orang fasilitator yang terdiri daripada pelajar dan staf UTeM serta guru-guru pakar Bahasa Inggeris, Jabatan Pendidikan Negeri.

8. Pengisian program ini juga turut diperhebatkan lagi dengan pelaksanaan dua sesi intervensi yang diadakan pada hari ini dan 30 Julai yang akan datang. Sesi intervensi ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan pemahaman secara praktikal kepada para pelajar berkenaan peperiksaan Bahasa Inggeris UPSR yang bakal dihadapi oleh para pelajar Tahun 6 khususnya dalam aspek penulisan dan pemahaman bahasa.

YAB Datuk Seri, Hadirin dan Hadirat sekalian,

9. Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih sekali lagi kepada Yayasan Melaka dan Jabatan Pendidikan Negeri Melaka kerana sentiasa memberikan kerjasama yang amat baik sepanjang program ini berlangsung. Diharapkan usaha murni seperti ini dapat diteruskan di masa

hadapan dengan penganjuran lebih banyak program-program pembangunan insaniah yang amat berguna kepada masyarakat khususnya di Negeri Melaka yang amat bertuah ini.

10. Akhir kata, setinggi-tinggi **terima kasih kepada Y.A.B. Datuk Seri Ketua Menteri Melaka** yang tidak pernah jemu memberikan nasihat serta sokongan berterusan kepada UTeM sehingga program bermanfaat seperti ini dapat direalisasikan dengan jayanya.

Terukir indah hiasan singgasana,  
Ditambah seri cahaya purnama,  
Sokongan tuan begitu bermakna,  
Memacu ilmu kemajuan bersama.

11. Semoga segala usaha yang kita laksanakan terus mendapat keberkatan yang sempurna dan kerahmatan dari Allah SWT.

Sekian *wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum* wrt. wbt.  
Terima kasih.